

Sindiket proses dadah RM15.5 juta tumpas

Tiga lelaki ditahan hasil serbuan makmal di kolam udang

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Manjung: Polis melumpuhkan sindiket memproses pelbagai jenis dadah didalangi tiga lelaki yang beroperasi di sebuah makmal di ladang berhampiran kolam udang di Kampung Deralik, Sitiawan.

Dalam operasi bermula jam 2 petang hingga 9 malam Isnin lalu itu, lebih 183 kilogram (kg) pelbagai dadah dianggar bernilai lebih RM15.5 juta dirampas.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, berkata tiga lelaki berusia 40 hingga 60 tahun ditahan dalam dua serbuan berasingan di sekitar Sitiawan.

"Hasil serbuan, polis merampas 55.62kg membabitkan 185,400 biji pil ecstasy, serbuk dadah methamphetamine (80.7kg) dan ketamin (11.1kg).

"Turut dirampas, cecair methamphetamine (30.68kg) serta ketulan dadah dipercayai methamphetamine (5kg). Semua rampasan dadah ini dianggarkan bernilai lebih RM15.5 juta," ka-



Mohd Khalil Kader (dua dari kanan) menunjukkan rampasan dadah dari makmal memproses di sebuah ladang pada sidang media di IPD Manjung, semalam.
(Foto Shaiful Shahrin Ahmad, Pauzi/BH)

tanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung, di sini, semalam.

Polis turut menyita wang tunai dan dua kereta bernilai RM28,000, selain peralatan serta mesin memproses dadah dalam serbuan berkenaan. Selain itu, bungkusan serbuk putih seberat 462kg, cecair kimia (160 liter), cecair metanol (enam liter), cecair acetone

(40 liter) dan cecair hydrochloric acid (43 liter).

Jumlah dadah yang dirampas itu dipercayai boleh dibekalkan kepada 37,622 penagih.

Mohd Khalil berkata, hasil ujian saringan awal air kencing yang dijalankan ke atas ketiga-tiga lelaki terbabit mendapati mereka positif dadah dan dua daripadanya mempunyai rekod je-

nayah lampau.

"Siasatan mendapati, kegiatan sindiket ini dikesan sejak tiga bulan lalu dan polis percaya mereka sudah lama beroperasi di kawasan ladang berkenaan bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Polis juga percaya dadah yang diproses untuk pasaran tempatan dan antarabangsa," katanya.